

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

**KIT 352 – Pengurusan Industri**

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab sebarang EMPAT soalan sahaja.

Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan sahaja akan diberi markah.

1. (a) Mengapa kita perlu merancang?  
(b) Terangkan langkah-langkah yang terlibat dalam proses perancangan.  
(25 markah)
  
2. (a) Apakah yang dikatakan gangguan seksual?  
(b) Apakah persepsi atau kefahaman anda terhadapnya?  
(c) Apakah kesan-kesannya jika seseorang pekerja itu mengalami gangguan seksual?  
(25 markah)

-2-

3. Apakah konflik dan bagaimana anda mengurus konflik dalam sesuatu Organisasi?  
(25 markah)
4. Terangkan dengan ringkas kelapan-lapan dimensi kualiti Garvin yang dilihat oleh pengguna terhadap sesuatu produk. Berikan contoh bagi setiap dimensi tersebut.  
(25 markah)
5. Syarikat XYZ menyimpan dan menjual mikrokomputer berjenama. Kos setiap kali syarikat memesan komputer daripada pembuat ialah RM 450. Kos bagi inventori mikrokomputer setahun ialah RM 170. Pengurus stor menganggarkan permintaan bagi mikrokomputer sebanyak 1200 unit dengan kadar permintaan yang malar sepanjang tahun. Pemesanan akan diterima sebaik sahaja permintaan dibuat kepada gudang tempatan yang dikendalikan oleh pembuat. Polisi stor adalah tidak akan membiarkan stok mikrokomputer kehabisan pada sepanjang masa. Oleh itu,
- (a) Kiralah kuantiti pesanan optimum/ekonomik (EOQ) per pesanan.
  - (b) Apakah kos minimum bagi keseluruhan inventori?
  - (c) Nyatakan berapakah bilangan pesanan per tahun.
- (25 markah)
6. Syarikat ABC Sdn. Bhd. menjual pakaian melalui katalog. Suatu masalah kualiti timbul apabila terdapat rungutan daripada pembeli kerana seorang pekerja gudang silap membekalkan pesanan barangan. Syarikat telah memutuskan untuk melaksanakan pelan kawalan proses dengan memeriksa barangan yang dipesan selepas diperolehi daripada gudang dan sebelum pembungkusan. Syarikat telah mengambil 30 sampel bagi setiap 100 pesanan (dalam jangka masa 30 hari) dan merekodkan bilangan pesanan defektif bagi setiap sampel seperti berikut:

.../3-

<u>Sampel</u>	<u>Bil. Pesanan Defektif</u>
1	12
2	14
3	10
4	16
5	18
6	19
7	14
8	20
9	18
10	17
11	9
12	11
13	14
14	12
15	7
16	6
17	3
18	7
19	10
20	14
21	18
22	26
23	20
24	24
25	18
26	19
27	19
28	20
29	17
30	18

Buatkan satu carta-p bagi Syarikat ABC Sdn. Bhd. yang memberikan 99.74% ( $3\sigma$ ) variasi rawak terhadap proses. Nyatakan jika proses terkeluar daripada kawalan dalam satu-satu masa.

(25 markah)